



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



2023

JII Cas

**JOHOR
INNOVATION
INVENTION
COMPETITION
AND
SYMPOSIUM
2023**



"Innovation Inspires a Society
to be Critical and Creative"

**INVENTION
COMPETITION
SYMPOSIUM**

JOHOR INNOVATION INVENTION COMPETITION AND SYMPOSIUM 2023

"Innovation Inspires a Society to be
Critical and Creative"

Editors-in-Chief

**AHMAD KHUDZAIRI KHALID
NUR INTAN SYAFINAZ AHMAD**



الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

**Cawangan Johor
Kampus Pasir Gudang**

2023



First Edition 2023

Copyright © 2023 Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang.

All extended abstracts published in this e-book have not been subject to JIICaS2023 peer review or check. The authors are responsible for the contents of their extended abstracts and warrant that their extended abstract is original, has not been previously published, and has not been simultaneously submitted elsewhere. The views expressed in the abstracts in this publication are those of the individual authors and are not necessarily shared by the editor.

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced in any form or by electronic or mechanical means, including information storage and retrieval systems, or transmitted in any form or by any means, without the prior permission in writing from the Course Coordinator of College of Computing, Informatics and Mathematics, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Pasir Gudang.

e ISBN: 978-967-0033-17-4

**Editors-in-Chief: AHMAD KHUDZAIRI KHALID &
NUR INTAN SYAFINAZ AHMAD**

**Art & Cover Designer: DR. WAN MUNIRAH WAN MOHAMAD
& DR. NUR IDAYU ALIMON**

**Published in Malaysia by
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor
Kampus Pasir Gudang
81750 Masai**





Preface

In the name of Allah, the Almighty who gives us the enlightenment, the truth, the knowledge and with regards to Prophet Muhammad (peace be upon him) for guiding us to the straight path. We thank to Allah for giving us guidance and strength to write this e-book.

This e-book compiles the extended abstracts that submitted to Johor Innovation Invention Competition and Symposium 2023 (JII CaS2023), where JII CaS2023 is a virtual platform for all creative minds to share and present their invention and innovation. The extended abstracts are divided into two categories, which are Category A (Higher Educational Student/ Any Recognized Institutional Students in Malaysia) and Category B (Primary/ Secondary School Students / Special Education School Students in Johor). Each abstract gives a brief background on the innovation or project.

We hope that this e-book will help the readers to get to know the innovation done by the students from both categories and get some ideas to develop future innovation products.



MODEL KOMUNIKASI DAKWAH EFEKTIF BADIUZZAMAN SAID NURSI

Muaz Mohd Noor¹, S. Salahudin Suyurno², Faridah Mohd Sairi³

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Kampus Alor Gajah, Melaka

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Kampus Dengkil

Penulis koresponden: muazuitm86@gmail.com (Muaz Mohd Noor)

ABSTRAK

Kajian ini memfokuskan kepada pembentukan sebuah model berkenaan pendekatan komunikasi dakwah Badiuzzaman Said Nursi dalam menyebarkan dan menyampaikan risalah Islam menerusi teknik komunikasi dakwah yang berkesan, yang diadaptasi menerusi karya agungnya, Rasail an-Nur. Di dalam kitab ini, terdapat banyak intipati dan nilai-nilai yang bermanfaat dalam meningkatkan kemahiran dalam berdakwah terutama dari aspek komunikasi, sejajar pengiktirafan para sarjana muslim terhadap ketokohan dakwah Said Nursi. Dengan melakukan analisis terhadap beberapa risalah-risalah utama Rasail an-Nur, pengkaji ingin menjelaskan beberapa pendekatan komunikasi dakwah yang berkesan Said Nursi, lisan (verbal) dan bukan lisan (non-verbal), untuk diperkenal dan dicontohi oleh umat Islam hari ini khususnya dalam kalangan pendakwah di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian perpustakaan dan analisisnya berdasarkan kerangka analisis teks, melalui penerokaan kitab Rasail an-Nur, rujukan daripada Tullab an-nur (pelajar Rasail an-Nur) serta kajian-kajian lepas oleh para penyelidik. Hasil dapatan mendapati pendekatan komunikasi dakwah Said Nursi dapat dibahagikan kepada 5 bentuk sebagaimana berikut, iaitu: i) komunikasi Dakwah Sesama Ilmuan/Ulama' (Scholar), Komunikasi Dakwah Pemerintah (Government), Komunikasi Dakwah Terhadap Bukan Islam (Non-Muslim), Komunikasi Dakwah Terhadap Musuh Islam (Enemy) dan Terhadap Orang Awam (Society). Ternyata model komunikasi dakwah Said Nursi ini menepati salah satu dari enam (6) teras Malaysia Madani yang menjadi tonggak pentadbiran hari ini.

Kata Kunci: Komunikasi Dakwah, Dakwah Efektif, Badiuzzaman Said Nursi, Rasail an-Nur.

1.0 PENGENALAN


Sebagaimana dijelaskan pada bahagian abstrak, dalam kajian ini, pengkaji berpandangan bahawa tajuk ini amat penting dan perlu dibincangkan dengan terperinci bagi memberikan kefahaman dan kesedaran kepada seluruh masyarakat Islam, khususnya di Malaysia, tentang pentingnya pengetahuan yang mantap terhadap tokoh-tokoh penting Islam kontemporari seperti Badiuzzaman Said Nursi. Di samping itu juga, pengkaji beranggapan amatlah wajar generasi umat Islam ketika ini, khususnya bagi para da'i, mengenali dan memahami dengan jelas pendekatan komunikasi dakwah yang efektif (berkesan) yang dibawa oleh ulama kontemporari ini, selain dari ilmu yang dikongsi mereka.

2.0 OBJEKTIF

- i. Mengkaji kepentingan pengetahuan ilmu asas berkaitan pendekatan komunikasi dakwah yang efektif pada era ini.
- ii. Mengenalpasti pendekatan komunikasi dakwah efektif Badiuzzaman Said Nursi.
- iii. Membina satu model komunikasi dakwah efektif Badiuzzaman Said Nursi terhadap lima kumpulan masyarakat.

3.0 PENERANGAN TENTANG INOVASI/METODOLOGI

Membina satu model Komunikasi Dakwah Efektif Badiuzzaman Said Nursi terhadap lima kumpulan masyarakat, iaitu komunikasi dakwah terhadap Ilmuan/Ulama' (Scholar), Komunikasi Dakwah Pemerintah (Government), Komunikasi Dakwah Terhadap Bukan Islam (Non-Muslim), Komunikasi Dakwah Terhadap Musuh Islam (Enemy) dan Terhadap Orang Awam (Society). Pendekatan dakwah Said Nursi terhadap lima kelompok masyarakat ini mempunyai pendekatan yang berbeza, meliputi aspek lisan dan bukan lisan, bagi memastikan sesuatu penyampaian dakwah itu berkesan. Justeru, garis panduan komunikasi dakwah efektif yang diadaptasi dari kitab Rasail an-Nur dan juga biografi Said Nursi ini merupakan panduan serta rujukan yang julung kali dihasilkan bagi rujukan dan panduan buat semua yang terlibat dalam lapangan dakwah khususnya di Malaysia.



Rajah 1: Model Komunikasi Dakwah Efektif Badiuzzaman Said Nursi Terhadap Lima Kelompok Masyarakat

4.0 KEBAIKAN/IMPAK/DAPATAN/PEMBAHARUAN

Kerangka model komunikasi dakwah Said Nursi yang dicadangkan ini dapat membantu agensi-agensi kerajaan dan swasta berasaskan agama, kumpulan masyarakat dan lain-lain dalam usaha melonjakkan aktiviti dakwah mengikut etika komunikasi Islam yang bersepadu. Berikut adalah kebaikan, kepentingan atau impak model kajian ini, yang pengkaji bahagikan kepada 3 kumpulan, iaitu:

- a) Pertama, untuk penuntut Tullab An-Nur (Pelajar-pelajar serta pengkaji Said Nursi dan Rasail an-Nur). Ini sebahagian usaha pengkaji untuk membantu rakan-rakan Tullab an-Nur, khususnya dalam negara, dalam mempelbagai bahan-bahan bacaan dan kajian-kajian ilmiah berkenaan tokoh Badiuzzaman Said Nursi, dan kitabnya Rasail an-Nur.
- b) Keduaanya terhadap masyarakat awam. Iaitu untuk memperkenalkan tokoh ahli sunnah waljamaah, komunikasi dakwah yang efektif dari dimensi ulamak kontemporari ini, sebagai panduan dan tauladan ketika berdakwah, selain menambah koleksi bahan bacaan berkaitan tokoh mujaddid Islam ini di dalam bahasa Malaysia.
- c) Ketiga terhadap kerajaan. Iaitu dapat membantu agensi-agensi kerajaan berkaitan Islam-Dakwah, termasuk daripada pihak kementerian agama sendiri, serta badan-badan

bukan kerajaan (NGO), persatuan-persatuan dalam usaha meningkatkan syiar Islam melalui jalan dakwah yang elektif dan efektif. Dalam masa yang sama pengkaji ini menyahut saranan kerajaan, agar para penyelidik terus mengkaji dan menghasilkan kaedah dakwah berkesan yang selari dengan dasar Malaysia Madani, agar masyarakat yang berbilang kaum hari ini dapat hidup secara aman dan sentosa.

5.0 KESIMPULAN

Secara umumnya model komunikasi dakwah efektif Badiuzzaman Said Nursi ini yang berbentuk 'serampang dua mata' ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak berkaitan kelestarian dakwah di Malaysia, termasuk pihak kerajaan di dalam usaha menyampaikan Islam secara berhemah dan berhikmah, selain memberikan panduan kepada para pendakwah-pendakwah di Malaysia khususnya, untuk menerapkan budaya komunikasi islami yang tepat di dalam sebarang aktiviti dakwah di Malaysia.